

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK KOH NAI KWONG [ ALOR GAJAH ]**

**TARIKH : 5 APRIL 2018**

**RUJUKAN : 10652**

**SOALAN:**

**Datuk Koh Nai Kwong [ Alor Gajah ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan statistik kertas siasatan atau "*investigation paper*" yang telah rasmi dibuka untuk menyiasat laporan mengenai gangguan seksual di tempat kerja dan tempat awam yang difailkan oleh mangsa lelaki dan perempuan.**

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

PDRM memberi perhatian khusus ke atas kes jenayah seksual yang berlaku di tempat kerja kerana ia boleh menjejaskan prestasi kerja dan suasana harmoni serta keselesaan untuk bekerja dalam sesebuah organisasi. Setiap aduan polis akan disiasat dan diambil tindakan yang sewajarnya bagi memastikan mangsa mendapat pembelaan dan suspek menerima hukuman setimpal ke atas perbuatan mereka. Kes-kes gangguan seksual yang dilaporkan adalah mengikut peruntukan Seksyen 376 Kanun Keseksaan (rogol), Seksyen 354 Kanun Keseksaan (mencabul kehormatan) dan Seksyen 509 Kanun Keseksaan (perkataan atau isyarat yang dimaksud mengaibkan kehormatan seseorang).

Statistik kes rogol di tempat kerja pada tahun 2015 hingga 2017 melibatkan majikan dan rakan sekerja adalah seperti berikut:

Tahun	2015	2016	2017
Majikan	4	5	11
Rakan Sekerja	14	10	21
Jumlah	18	15	32

Statistik kes cabul kehormatan di tempat kerja melibatkan majikan/ rakan sekerja pada tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti berikut:

Tahun	2015	2016	2017
Majikan	23	17	40
Rakan Sekerja	76	110	116
Jumlah	99	127	156

Statistik kes di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan (perkataan atau isyarat yang dimaksudkan mengaibkan seseorang) di tempat kerja yang melibatkan majikan/ rakan sekerja pada tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti berikut:

Tahun	2015	2016	2017
Majikan	3	2	1
Rakan Sekerja	7	15	4
Jumlah	10	17	5